

“Peribahasa Arab”

(Diterjemah dan dikumpul oleh: A.M.)

1. Sebelum kamu mentaati seseorang, terlebih dahulu tanyalah kebolehannya!

Huraiannya

Taat kepada perintah seseorang itu tidak salah, tetapi sebelum dari kita mentaati akan perintah itu terlebih dahulu hendaklah ditilik akan pekerjaan yang disuruh lakukan itu; sanggupkah bahu kita memikulnya; kalau kira-kira tak sanggup maka perintah itu tidak harus kita taati, kerana ia adalah memberatkan diri kita sendiri.

Kalau seandainya kita dipaksa juga melakukan sesuatu pekerjaan berat yang tak sanggup kita lakukan, maka sebagai seorang manusia kita berhak mendapatkan pertanyaan kepada orang yang memerintah kita itu: apa adakah tenaga yang ada padanya itu sanggup melakukan pekerjaan yang seberat itu?

2. **Apabila berkelahi dua orang pencuri, maka terbongkarlah barang yang dicuri itu.**

Huraiannya:

Pada suatu hari bermuafakatlah dua orang penjahat untuk melakukan suatu pekerjaan jahat – katakanlah mencuri umpamanya – rahsia kejahatan yang dilakukan oleh kedua-dua penjahat itu tidak akan lama dapat mereka simpan.

Pada suatu masa perasaan tamak akan datang menguasai nafsu salah seorang dari mereka berdua,

satu sama lain akan berusaha mengatasi kawan untuk memiliki harta yang mereka curi itu.

Pada saat itu perselisihan faham akan berlaku di antara mereka berdua yang mana membawa kepada berlakunya suatu pertengkaran atau perkelahian. Di antara satu sama lain akan tuduh-menuduh melakukan kejahatan yang membawa kepada terbongkarnya rahsia kejahatan mencuri yang telah mereka lakukan itu.

3. **Apabila bercerai-berai kumpulan biri-biri itu, ia akan digembala oleh seekor kambing jantan kurap.**

Huraiannya

Selagi sesuatu umat atau sesuatu bangsa itu bersatu-padu dengan teguh, maka selama itu ia akan menjadi suatu bangsa yang kuat. Tetapi kalau mereka itu berpecah-belah, mereka dengan mudah dapat diperkosa oleh musuh-musuh mereka. Pada saat itu, juga mereka akan menjadi suatu bangsa yang lemah dan dengan mudah boleh diperkotak-katikan oleh pemimpin-pemimpin yang berfahaman liar.

4. **Manakala datang kecelakaan, tertutuplah mata.**

Huraiannya

Kita hidup di dunia ini hendaklah sentiasa bersabar menghadapi segala mala-petaka yang menimpa diri kita. Tetapi kebanyakan manusia tidak begitu halnya, mereka selalu kehilangan rasa sabar sewaktu mereka ditimpa oleh sesuatu bahaya atau pancaroba hidup.

Pada ketika itu mata kasar dan juga mata hati mereka lekas sekali tertutup sewaktu melihat bencana sedang berada di hadapan mereka. Mereka hilang akal dan tidak dapat berbuat apa-apa selain daripada menyerahkan diri mereka bulat-bulat kepada qada' dan qadar, tanpa berikhtiar untuk menghindarkan diri mereka dari bencana tersebut.

5. “Apabila kamu masuk ke dalam sesuatu kampung, bersumpahlah atas nama tuhan penduduk-penduduk kampung itu”.

Huraiannya

Adat kebiasaan hidup orang-orang Arab Badwi di zaman Jahiliyyah ialah suka berhijrah dari suatu tempat ke suatu tempat, atau berpindah dari suatu kampung ke suatu kampung dengan tujuan mencari untuk nafkah hidup.

Oleh yang demikian, sudah menjadi suatu kebiasaanlah dalam cara hidup mereka menukar-nukar adat dan kebudayaan asli mereka kepada adat resam orang lain yang mereka dapati dari kampung-kampung atau negeri-negeri tempat mereka mengembara itu.

Ibu bapa dan kaum keluarga para pengembara yang suka hidup mengembara dari suatu tempat ke suatu tempat, dari suatu kampung ke suatu kampung, sebelum mereka berangkat meninggalkan kampung tempat tumpah darah mereka, selalu menasihatkan anak-anak dan saudara-mara mereka yang akan berangkat itu, supaya mereka pandai-pandai menjaga diri di rantau orang. Satu daripada cara hendak menjaga diri di rantau orang itu, ialah dengan mengikuti adat resam yang dipakai oleh penduduk-penduduk kampung tempat mereka tumpang berteduh mencari sara-hidup itu.

Kata-kata nasihat itu bererti, “Kalau kamu dapati

penduduk-penduduk dalam kampung tempat kamu merantau itu menyembah berhala, maka kamu juga hendaklah berlaku munafik dengan turut sama menyembah berhala-berhala itu, sekali pun dengan secara berpura-pura. Dengan jalan ini, kamu akan dapat menarik perasaan jiwa seisi kampung itu supaya mencintai kamu. Kalau segenap orang dalam kampung itu sudah mencintai kamu, maka di kala itu senanglah hidup kamu.

Peribahasa di atas sama erti dan tujuannya dengan sebuah pepatah Melayu yang berbunyi: “Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.”



Negara Israel telah meminta kepada negara-negara Arab supaya mencontohi sikap perdamaian yang telah dilakukan oleh negara-negara India dan Pakistan di Tashkent, yang mana Perdana Menteri Russia (Tuan Kosygin) sendiri telah menjadi orang tengah. Hal yang seumpama itu – kata Israel – boleh dilakukan oleh negara-negara Arab terhadap negara Israel, untuk mencari penyelesaian damai di antara kedua belah pihak. Tetapi cadangan dari Israel itu telah ditolak mentah-mentah oleh Tuan Abdul Khaliq Hasunah, Setiausaha Agung Perikatan Negara-negara Arab dengan mengatakan: “Tidak ada tolak-ansur di antara negara-negara Arab dengan Israel. Kami hanya mahu penyelesaian bahawa seluruh bumi Palestin hendaklah diserahkan kembali kepada rakyat Palestin.”

* * *

Perkhidmatan kesihatan kerajaan Sa'udi 'Arabia (Bulan Sabit Merah) telah membelanjakan wang sebanyak 200,000 riyal di sepanjang bulan haji tahun ini, untuk dibahagi-bahagikan kepada klinik-klinik kecil yang dikhaskan bagi merawat para jemaah-jemaah haji yang ditimpa kemalangan sewaktu mereka berada di Makkah, Madinah, 'Arafah dan Mina'.